

# Hari Valentine dan solusi cinta

Ada beberapa versi yang ditemui berkaitan asal usul Hari Valentine. Bagaimanapun, hampir kesemuanya ada kaitan dengan ritual agama selain Islam. Pertengahan Februari sering dikaitkan dengan cinta dan kesuburan sejak dulu lagi. Mengikut tarikh kalendar Athena kuno, tempoh antara pertengahan Januari dengan pertengahan Februari dinamakan sebagai bulan Gamelion, yang dipersembahkan ketika pernikahan suci antara Dewa Zeus dengan Hera.

Pada zaman Rom kuno, 15 Februari ialah hari Lupercalia, festival kesuburan yang

ditujukan kepada Faunus, Dewa Pertanian bagi bangsa Rom. Bagi memulakan ritual ini, Luperci (kumpulan paderi Rom) akan berhimpun dalam sebuah gua yang dipercayai suci dan mereka mempercayai Romulus dan Remus, pengasas kepada Rom dibela oleh seekor serigala.

Paderi akan menyembelih kambing untuk tujuan kesuburan dan mengorbankan anjing untuk tujuan penyucian. Mereka kemudian akan berjalan di sekitar kota Rom sambil membawa potongan-potongan kulit kambing dan menyentuhnya pada sesiapa yang dijumpai terutama wanita muda. Masyarakat Rom percaya bahawa dengan

itu mereka akan dikurnia kesuburan dan boleh melahirkan anak dengan mudah.

## Pandangan Islam terhadap Hari Valentine

Islam melarang penganutnya menyerupai orang kafir dalam merayakan sebarang majlis yang mempunyai unsur keagamaan apatah lagi kemaksiatan. Imam Ibn Taimiyyah dalam al-Iqtidha'

al-Sirat al-Mustaqim Li Mukhalafati Ashab al-Jahim dan Imam Ibn Qayyim dalam Ahkam Ahl al-Zimmah menyatakan, ijmak ulamak bersepakat mengenai larangan merayakan perayaan berkaitan agama selain Islam.

Selain itu, sambutan Hari Valentine versi Barat yang popular kini jelas lebih menjurus kepada maksiat. Biasanya, si gadis akan membuktikan

kecintaan dan kesetiaannya kepada si teruna dengan menggadaikan maruah dirinya kepada sang kekasih. Budaya ini sememangnya berlaku setiap kali Hari Valentine termasuk di negara ini.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali Ke-71 yang bersidang pada 22 hingga 24 Nov 2005 bersetuju memutuskan bahawa amalan merayakan Hari Valentine tidak pernah dianjurkan oleh Islam.

Roh perayaan itu mempunyai unsur Kristian dan amalannya yang bercampur dengan perbuatan maksiat bercanggah dan dilarang oleh Islam.

## Solusi cinta

Bagi mereka yang bercinta, Islam menyediakan solusi terbaik iaitu perkahwinan. Sabda Nabi Muhammad SAW, "Aku tidak melihat (penawar) untuk dua orang yang bercinta seperti nikah" (Riwayat al-

Baihaqi dan Ibn Majah).

Jangan sia-siakan masa depan dengan percintaan yang kabur kerana ia mungkin membawa kepada kemaksiatan. Islam tidak menghalang cinta cuma, tindakan itulah yang membezakan sama ada rasa cinta itu membawa ke syurga, atau menjerumuskan ke lembah neraka.

## Rasulullah SAW ada bersabda:

"Wahai pemuda! Barang siapa antara kalian berkemampuan untuk berkahwin, maka nikahlah, kerana nikah itu lebih menundukkan pandangan, dan lebih memelihara kemaluan. Dan barang siapa yang tidak mampu, maka hendaklah dia puasa, kerana puasa itu menjaga dirinya". (Riwayat Muslim)

## Mohamad Razif Mohamad Fuad,

Yang Dipertua, Majlis Perwakilan Pelajar, Universiti Sains Islam Malaysia.



Hari Valentine undang gejala sosial.